

# Identiti Melayu dalam Catan

## Syed Ahmad Jamal

**Nur Nazirah Musa**  
Universiti Pendidikan Sultan Idris

**Harozila Ramli**  
Universiti Pendidikan Sultan Idris

### Abstrak

Syed Ahmad Jamal sangat memberi pengaruh dan menyumbang dalam sejarah perkembangan Seni Lukis Moden Malaysia. Beliau telah mula berkarya sekitar tahun 50-an lagi. Artikel ini menyorot karya beliau sepanjang tahun 1950-an hingga 1990-an. Antara karya yang sangat mesra dan sinonim pada Syed Ahmad Jamal ialah “Gunung Ledang/Tanjung Kupang” yang memberi identiti kepada pelukis dan identiti Melayu sebagai satu bangsa.

**Kata Kunci** Syed Ahmad Jamal, Identiti Melayu, Catan.

### Abstract

*The paintings of Syed Ahmad Jamal contribute to the development of modern Malaysian art, since the 1950s. This article traces his works from the 1950s - 1990s. Syed Ahmad Jamal's most significant works is “Gunung Ledang/ Tanjung Kupang” which enshrined his identity as an artist as well the identity of the Malays as a community.*

**Keywords** Syed Ahmad Jamal, Malay Identity, Painting.

### PENGENALAN

Syed Ahmad Jamal dilahirkan di Johor di mana terletaknya Gunung Ledang. Sejak kecil beliau mendengar cerita-cerita mitos yang terjadi di kawasan ini dan mendorong beliau menghasilkan karya dalam konteks sejarah mitos serta pembacaan teks Melayu lama yang beliau baca. Penglibatan beliau dalam arena seni lukis telah memberi impak

yang besar dalam dunia Seni Lukis Moden di Malaysia. Beliau gemar mengangkat sebuah cerita mitos Melayu menjadi sebuah karya yang membuka minda khlayak untuk melihat karya seni dalam konteks sejarah Melayu.

### Karya-karya Syed Ahmad Jamal

#### *Gunung Ledang Tanjung Kupang, 1978*

Catan *Gunung Ledang Tanjung Kupang* adalah satu karya yang mempunyai hubungan dengan mitos dan lagenda kesusasteraan Melayu. Catan ini adalah proses bentuk-bentuk tumpal yang menjadi kekuatan atau identiti beliau dalam catan-catam seterusnya yang dihasilkan. Menurut Syed Ahmad Jamal catan ini mempunyai satu kisah yang melibatkan diri beliau dan menjadikan ia sebagai lambang dan kisah yang digabungkan antara tragedi terhempasnya kapal terbang MAS di Tanjung Kupang dan sastera Melayu iaitu “Gunung Ledang”. Peristiwa malang ini terjadi di Tanjung Kupang pada tahun 1978, telah meragut kesemua nyawa penumpang kapal terbang MAS termasuk sahabat karib Syed Ahmad Jamal iaitu Datuk Ali Haji Ahmad, Menteri Pertanian Malaysia ketika itu.



Rajah 8.1 Gunung Ledang Tanjung Kupang, 1978.

Hajat untuk mendarat di Kuala Lumpur tersasar ke Tanjung Kupang dan tragedi ini mengemparkan negara. Sebagai seorang pelukis, beliau peka dan secara peribadi terkesan dengan kematian sahabatnya, beliau menyatakan perasaannya dalam bentuk karya. Pemandangan landskap dengan bentuk gunung adalah sesuatu yang menjadi kegemaran beliau dalam berkarya, setiap yang dihasilkan lebih bersifat flora dan fauna dan kerana itu beliau sangat suka melukis sesuatu yang sangat dekat dalam jiwa beliau.


Setiap tajuk yang diberikan untuk karya tentunya mempunyai isu atau tema cerita, dan objek yang dipilih mempunyai tujuan atau maksud yang tersendiri. Pengulangan dan bentuk-bentuk yang sama daripada alam tidak bermaksud mendukung satu makna sahaja tetapi boleh mendukung pelbagai makna berdasarkan keperluan komposisi. Kepelbagaiannya membawa makna yang berbeza dan ia sesuatu yang telah dikaji oleh Syed Ahmad Jamal sebelum meletakkan imej-imej tertentu dalam karya.

Contohnya, simbol-simbol yang terdapat di alam Melayu adalah pucuk rebung, awan larat yang sinonim sebagai simbol warisan tamadun ini diolah dan diabstrakkan. Dua garisan berwarna emas dan perak yang menjadi simbol permintaan Puteri Gunung Ledang yang meminta jambatan emas dan perak yang harus dibina daripada Melaka ke Gunung Ledang. Inovasi ke atas seni dan tradisi digabungkan penggunaan bahasa visual beliau semakin kompleks dan membuka luas kemungkinan penyataan lain yang menjadi teras sebuah karya. Karya ini mengimbang kembali memori bermakna dalam diri pelukis kerana dua konteks digabungkan iaitu dalam konteks kemanusiaan, alam dan sejarah.

### ***Gunung Ledang Visited, 1992***

Catan *Gunung Ledang Visited* 1992 berbeza dengan catan Gunung Ledang Tanjung Kupang 1978 dari sudut kenyataannya walaupun tajuk catan menggambarkan ciri persamaan. Catan ini lebih ekspresif dan ia bersifat “painterly”. Ia adalah hasil lukisan yang Syed Ahmad Jamal hasilkan semasa pulang daripada ekspedisi mendaki Gunung Ledang.

Dalam catan ini, Syed Ahmad Jamal seolah-olah cuba menimbulkan kesan misteri dalam komposisi catan ini selari dengan penggunaan warna segar dan imbalan yang sangat harmonis. Elemen pencahayaan masih terus dikenalkan, bermula dengan pancaran cahaya dari kanan ke bahagian atas catan dan kemudian beredar ke bahagian kiri catan, simbolik kepada peredaran waktu dari subuh membawa ke senja dengan paparan warna yang sentiasa berubah bentuk gunung itu.



**Rajah 8.2** *Gunung Ledang Visited*, 1992.


Gunung ledang amat bermakna bagi Syed Ahmad Jamal, dengan melihat imbauan landskap ini menguasai jiwa pelukis dan persekitaran dalam catan ini jelas menunjukkan perasaan cinta beliau terhadap landskap Gunung Ledang ini, jelas dengan penyataan warna yang sangat harmoni. Simbol segi tiga yang dilukis secara samar-samar di bahagian puncak catan melambangkan puncak gunung yang mistik dengan pemandangan yang indah. Dalam konteks ini, beliau cuba merakamkan suasana persekitaran sebagai reaksi terhadap sensitiviti jiwanya kepada keindahan

dan kebesaran Allah SWT. Maka di sini, bentuk segi tiga yang digunakan merupakan persamaan kepada konsep segi tiga pucuk rebung dalam falsafah pemikiran Melayu yang merujuk kepada konsep tauhid, ketuhanan dan kesyukuran.

### **Lailatulqadr, 2004**

Manusia sentiasa berubah dan tidak statik dengan sesuatu yang sama, bahasa lukisannya adalah bahasa internasional dan kerjanya adalah Islami. Ia sesuatu yang berbeza jika dilihat dari sudut karyanya kerana ada unsur-unsur Islam dalam karya catan yang dihasilkannya di antaranya adalah catan *Lailatul Qadr*. Malam *Lailatul Qadr* ini adalah hadiah Allah S.W.T. kepada umat Islam dan ia adalah malam yang mempunyai kedudukan yang tertinggi dalam bulan Ramadhan dan diikuti dengan malam Nisfu Syaaban. Pada malam ini sesiapa yang melakukan ibadat pahalanya seperti beribadat seribu bulan atau 84 tahun.

Apa yang tercatat dalam al-Quran mengenai malam *Lailatul Qadr* adalah lebih baik daripada seribu bulan. *Lailatul Qadr* adalah suasana sepertiga akhir malam kerana selepas waktu ini suasana sepi malam mula terasa misalnya sekitar jam 3.30 pagi suasana malam itu tidak panas dan tidak sejuk serta pada paginya matahari naik tidak banyak cahayanya kerana pada malam itu malaikat turun dan naik.



**Rajah 8.3** *Lailatul Qadr*, 2004.

Catan ini dihasilkan dengan kesan-kesan yang penuh misteri seperti cahaya berwarna merah, oren, kuning dan hijau dengan sapuan berus yang ekspresif memperlihatkan rahmat-rahamat Allah S.W.T. yang begitu banyak diturunkan pada malam itu dan keistimewaannya berbanding malam-alam yang lain. Catan yang dilukis dalam gaya abstrak ekspresionis dihasilkan dengan rujukan al-Quran dan diterjemahkan dalam bentuk karya seni yang memberi impak kepada khalayak dan juga diri beliau sendiri dalam mendekatkan diri kepada Tuhan.

### **Senyuman, 2009.**

Catan Senyuman ini memberi memperlihatkan kebijaksanaan dan pemikiran zuhud yang ada pada diri pelukis. Senyuman yang tergambar di dalam catan bukanlah

memperlihatkan gambaran senyuman pada wajah seseorang tapi ia merungkaikan satu persoalan yang menggunakan garisan dan warna yang mujarad. Garisan yang membentuk huruf jawi melahirkan tulisan yang beliau gelar tulisan Melayu yang mendukung makna “senyuman”.



Rajah 8.4 *Senyuman*, 2009.

“Mim” yang berada dalam catan senyuman pula membawa makna yang berbeza, ia juga adalah satu pelengkap bagi menyempurnakan tulisan yang membentuk senyuman itu. Islam memberi perhatian khusus terhadap senyuman seperti apa yang disebut mengenai senyuman “Senyuman kalian bagi saudaranya adalah sedekah” (Hadis Riwayat Tarmizi dan Abu Dzar), Rasulluah S.A.W, juga pernah bersabda, “Jangan meremehkan sesuatu kebajikan termasuk senyuman, meski hanya bertemu dengan saudaramu dengan wajah yang berseri-seri iaitu bermakna memberikan senyuman”. (Hadis Riwayat Muslim). Gombrich (1979) menjelaskan:

*It is true that the keen eyes of the beholder will also penetrate deep into the nature of a nation when examining its political life or scientific achievement, but the most characteristic feature of a people's soul can only be recognized by its creation.<sup>2</sup>*


Dari sudut formalistik, catan “Senyuman” menggunakan warna-warna ceria dan segar yang memenuhi rupa bentuk dan latar pada komposisi seperti biru, hijau, ungu, dan merah jambu yang diolah dengan bentuk-bentuk bujur menerusi garisan-garisan yang membentuk huruf jawi tersebut. Dalam hal ini, khat jawi digunakan sebagai representasi untuk mencapai tahap mujarad yang tinggi kerana hakikatnya “senyuman” itu bersifat mujarad dan penuh rahsia bagi sesiapa yang mengetahuinya.

### ***Langit Dan Bumi*, 1986.**

Melalui catan *Langit dan Bumi*, terdapat aspek kerohanian yang telah menjadi teras dalam diri pelukis dalam pengkaryaan. Kebanyakan seni Melayu-Islam di negara ini melahirkan karya melalui jati diri Melayu-Islam yang menjadi faktor utama dalam penghasilan karya. Berbeza pula dengan pengucapan visual kesenian tradisional yang

lazimnya seragam dalam mengungkapkan pandangan kolektif dan nilai ketuhanan dan kerohanian, pendekatan gaya pelukis kontemporari dilihat lebih bersifat peribadi dan pelbagai dalam menterjemahkan persepsi dan komitmen diri terhadap kebesaran Tuhan. Syed Ahmad Jamal (1999) menjelaskan:

*Art is the essence of life. The observation of nature is absorbed into the inner self and later expressed to be seen by society as the image of the human soul.<sup>3</sup>*



Rajah 8.5 *Langit Dan Bumi*, 1986.

Kesinambungan Seni Tradisi dalam konteks kontemporari dapat dilihat dalam karya catan Syed Ahmad Jamal di mana ia berlambang dan bermakna selaras dengan budaya Melayu yang berteraskan Islam. Kecenderungan pelukis terhadap pengucapan visual ini adalah tercusus dengan pencarian identiti nasional berdasarkan budaya Melayu-Islam yang dianjurkan dalam kongres Kebudayaan Kebangsaan (1971) dan Seminar Akar-akar Kesenian Peribumi (1979).

Syed Ahmad Jamal menjelaskannya semasa temu bual di Balai Seni Lukis Negara, 2009, bahawa pengkarya Seni Visual seharusnya profesional dari segi keilmuan dan teoretikalnya. Seorang pengkarya Melayu seharusnya arif tentang bentuk kesenian Melayu–Islam. Sebagai contoh yang beliau berikan dalam karya beliau yang banyak menggunakan subjek alam tabii (alam semula jadi) sebagai teras dalam pengkaryaananya.

Karya beliau masih mencerminkan ciri–ciri alam dan unsur Melayu yang merujuk kepada satu pendidikan rohani dan ke arah mengesakan Allah S.W.T. Penolakan ciri–ciri luaran dalam karya beliau (sejadi) yang bersifat sementara dengan penarikan atau memasukkan ciri–ciri dalaman (kerohanian) yang bersifat kekal, membuatkan karya-karya beliau mempunyai ciri–ciri ketauhidan. Karya ini jelas memaparkan nilai, kedamaian, kemurnian dan keindahan alam semula jadi sebagai suatu bentuk keajaiban terhadap kebesaran Allah S.W.T. sebagai pencipta seluruh alam.

## Kesimpulan

Syed Ahmad Jamal merupakan tokoh yang banyak memberi sumbangan dalam dunia Seni Lukis Malaysia, dan juga mengharumkan nama Malaysia di persada dunia.

Sememangnya semangat dan jati dirinya harus dicontohi generasi muda khususnya yang bergiat dalam dunia seni lukis. Namun pemergiannya pada 30 Julai 2011, merupakan kehilangan yang sangat berharga kerana terlalu banyak perjuangan yang dilakukan dalam memartabatkan seni dan mengharungi segalanya untuk menjadikan seni di Malaysia bertaraf internasional.

Sering kali, khalayak melihat bentuk-bentuk yang terhasil dalam karya catan Syed Ahmad Jamal seperti bentuk segi tiga, segi empat, bulatan dan sfera. Bentuk-bentuk ini sebenarnya mempunyai signifikasi terhadap budaya Melayu dan Islam. Beliau melihat motif-motif di alam Melayu seperti pucuk rebung sebenarnya mempunyai keunikan yang tersendiri. Susulan daripada bukunya “Rupa dan Jiwa” beliau menyatakan bentuk ini adalah menyerupai pohon hayat dan bunga semangat sebagai memanifestasikan alam semula jadi.

Menariknya dalam catan Syed Ahmad Jamal ialah kebanyakan imej yang digunakan terutama di awal tahun 1970-an dan seterusnya memperlihatkan motif rekaan yang terdapat di dalam alam sejadi. Motif-motif ini dapat dikenali melalui gerak hati tafsiran dalaman dan pendasar bentuk yang sering diperoleh apabila beliau mencari bimbingan melalui pembacaan al-Quran. Himpunan catan yang beliau hasilkan memaparkan sudut pandangan yang segar terhadap pertimbangan seni visual Islam ke tahap yang lebih kreatif.

### Nota Hujung

- <sup>1</sup> Syed Ahmad Jamal, (2009). “Pelukis”, Kuala Lumpur: Balai Seni Lukis Negara, m/s. 81.
- <sup>2</sup> Gombrich, E.H. (1979). *Ideal and Idol - Essay on Value in History and in Art*, New York: Phaidon, m/s. 30.
- <sup>3</sup> Syed Ahmad Jamal (1999). *Impian dan Kenyataan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka,m/s. 11.

### Rujukan

- Dzul Haimi Md Zain, (2004). “Ruang” : *Syed Ahmad Jamal -75*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Gombrich, E.H. (1971). *Ideal and Idol - Essay on Value in History and Art*, New York: Phaidon
- Mulyadi Mahmood (2000). “Antara Langit dan Bumi” dalam *Karya Baru Seniman Negara Syed Ahmad Jamal*, Kuala Lumpur: Galeri Petronas.
- Syed Ahmad Jamal (1979). *Rupa dan Jiwa*, Kuala Lumpur: Asian Art Museum.
- Syed Ahmad Jamal (1979). “Perkembangan Seni Rupa Sezaman” dalam Malaysia: *Sejarah Proses Pembangunan*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Syed Ahmad Jamal (1999). *Impian dan Kenyataan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Ahmad Jamal (2009). *Pelukis*, Kuala Lumpur: Balai Seni Lukis Negara